



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2007

PERKHIDMATAN BOT KEPADA PENGHUNI RUMAH
PERANGINAN PERSEKUTUAN TASIK KENYIR,
TERENGGANU DARUL IMAN

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

26 Mac 2007

Dikelilingkan kepada :

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan



Ruj. Kami : BPH.IR.08/28 (4)
Tarikh : 26 Mac 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2007
PERKHIDMATAN BOT KEPADA PENGHUNI RUMAH PERANGINAN
PERSEKUTUAN TASIK KENYIR, TERENGGANU DARUL IMAN

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perkhidmatan bot yang disediakan sebagai pilihan kepada penghuni-penghuni Rumah Peranginan Persekutuan Tasik Kenyir (RPPTK), Pulau Sah Besar, 21700 Kuala Berang, Terengganu, Darul Iman.

2. PEMAKAIAN

Maklumat dalam Surat Pekeliling ini adalah sebagai tambahan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2006 – Peraturan Bagi Menggunakan Rumah Peranginan Persekutuan yang masih berkuatkuasa.

3. LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH) bertanggungjawab untuk menguruskan RPPTK, Pulau Sah Besar, Kuala Berang, Terengganu. Sebelum ini tiada perkhidmatan bot khusus yang di tawarkan oleh BPH untuk kemudahan penghuni yang menginap di RPPTK.

4. KADAR TAMBANG PERKHIDMATAN BOT

4.1 Kadar tambang perkhidmatan bot pergi dan balik dari Pengkalan Gawi ke Pulau Sah Besar, Tasik Kenyir adalah seperti berikut :-

BILANGAN PENUMPANG	KADAR TAMBANG SEBUAH BOT
1 hingga 4 orang	RM 30
5 hingga 14 orang	RM 50
15 orang ke atas	Kadar adalah mengikut mana-mana kombinasi di atas.

4.2 Kadar tambang untuk bersiar-siar ke Taman Herba dan Lata Saok ialah RM5.00 seorang, tiada had bilangan penumpang.

5. KELAYAKAN

Kemudahan ini hanya diberi kepada penghuni RPPTK yang didaftarkan dengan BPH ketika permohonan dibuat.

6. PERMOHONAN DAN BAYARAN

Cara memohon dan bayaran adalah sama seperti memohon untuk menginap di RPPTK. Sila layari laman web <http://www.bph.jpm.my>.

7. TANGGUNGJAWAB TETAMU

7.1 Setelah diluluskan dan membuat bayaran, tetamu dikehendaki menghubungi Penyelia RPPTK untuk membuat tempahan masa ketibaan untuk menaiki bot di Pengkalan Gawi.

7.2 Mematuhi arahan keselamatan menaiki bot semasa berada di dalam bot seperti memakai jaket keselamatan dan mematuhi arahan jurumudi bot.

8. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai 1 April 2007 dan tertakluk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2006 yang sedang berkuat kuasa. Surat Pekeliling ini akan akan disemak semula selepas tempoh 2 tahun.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN)
Ketua Setiausaha Negara
Malaysia